



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

**Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**



**KENYATAAN MEDIA DARIPADA
YANG BERBAHAGIA
DATUK DR ABD AZIZ JAMALUDDIN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**HAIWAN TUGASAN YANG DIGUNAKAN
DALAM PASUKAN BERUNIFORM**

Susulan terhadap laporan akhbar The Star mengenai anjing daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang dilupuskan secara euthanasia, pihak Jabatan bertanggungjawab untuk menjalankan penilaian tahap kesihatan anjing berkenaan dan memberikan cadangan pengendalian yang bersesuaian berdasarkan tahap kesihatan anjing berkenaan. Pemeriksaan telah dijalankan oleh pegawai veterinar daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (DVS WPKL) dan berdasarkan pemeriksaan fizikal dan klinikal, didapati anjing tersebut menghadapi masalah seperti penyakit buah pinggang, hati dan jantung. Pemeriksaan yang telah dijalankan mendapati kesemua lapan anjing tugas tersebut mempunyai penyakit yang tidak boleh dirawat lagi dan pihak Jabatan membuat pertimbangan bahawa kaedah euthanasia adalah yang paling sesuai dilakukan pada masa tersebut.

Hasil perbincangan pegawai veterinar DVS WPKL dengan pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang terlibat dalam pelupusan tersebut, tarikh pelupusan telah ditetapkan pada hari Selasa 5 Mac 2013 jam 10 pagi berpandukan tatacara pelupusan haiwan yang diperakui oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berdasarkan Badan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) dan prosedur dilakukan oleh pegawai veterinar yang bertauliah.

Kaedah pelupusan haiwan tugas dalam kesemua pasukan beruniform adalah berdasarkan Pekeliling Arahan Perbendaharaan Bil 6 2008 Tatacara Pengurusan Aset Hidup. Haiwan yang digunakan untuk tugas tidak boleh diberikan kepada pihak lain selain daripada pihak berkuasa atas dasar dan isu keselamatan negara. Sekiranya haiwan tugas tersebut tidak boleh berfungsi secara efektif, ia perlu diletakkan dalam simpanan sehingga ia mencapai tahap *incurably ill*.

Dalam Draf Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan 2012, Jabatan mencadangkan penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan bertujuan untuk menangani isu-isu kebajikan haiwan. Dalam Rang Undang-Undang tersebut juga, kesemua premis yang menjalankan aktiviti haiwan perlu dilesenkan, justeru mereka perlu mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan termasuklah kaedah pelupusan haiwan. Satu Jawatankuasa melibatkan kesemua pasukan beruniform akan ditubuhkan bagi penyelarasan pengendalian haiwan tugas secara lebih efektif dilakukan.

DATUK DR ABD AZIZ JAMALUDDIN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
19 MAC 2013